

19/01/2000

Umno Raub sokong keputusan MT

RAUB, Selasa - Umno bahagian Raub menyokong penuh keputusan Majlis Tertinggi (MT) baru-baru ini supaya jawatan presiden parti dan timbalan presiden tidak dipertandingkan pada pemilihan, Mei ini.

Ketuanya, Datuk Shahiruddin Ab Moin, berkata persaingan merebut kedua-dua jawatan itu boleh menimbulkan perpecahan dalam Umno sehingga dipergunakan pihak pembangkang menabur pelbagai dakwah negatif.

Katanya, keputusan menyokong Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pemimpin tertinggi parti dibuat sebulat suara dalam mesyuarat Jawatankuasa Umno bahagian pada 14 Januari lalu.

Beliau berkata, kesan pilihan raya umum lalu perlu dijadikan iktibar ahli Umno apabila pihak pembangkang berjaya mempengaruhi rakyat untuk menyokong mereka berdasarkan faktor dalaman Umno, khususnya berkaitan kepimpinan.

"Kesan ketara dapat dilihat di beberapa tempat di Pahang membabitkan kes penyokong pembangkang. Ahli keluarga yang menyokong pembangkang enggan hadir di majlis kenduri atau menziarahi rumah saudara mara ahli parti lain apabila berlaku kematian," katanya.

Shahiruddin kesal dengan sikap fanatik sebahagian besar ahli parti pembangkang yang enggan menerima kekalahan di Parlimen Raub sehingga masih berbincang mengenai politik di kedai kopi biarpun musim pilihan raya sudah berlalu.

Katanya, sikap merebut jawatan dalam parti akan turut memberi kesan tidak baik kepada peringkat cawangan dan bahagian kerana boleh menyebabkan ahli Umno berpecah.

(END)